

## 5

### WARTAWAN WANITA DALAM PENGURUSAN BILIK BERITA: MATLAMAT DAN PENCAPAIAN

*Faridah Ibrahim\**

Kejayaan sesebuah syarikat akhbar itu banyak bergantung pada kalibar dan kebolehan tenaga pekerja terutamanya para pemberita di Bilik Berita. Mereka ini bertanggungjawab menghasilkan laporan fakta melalui berita dan rencana untuk tatapan khalayak. Kejayaan syarikat ini juga bergantung pada berapa ramai antara tenaga pekerja itu terdiri dari golongan yang terlatih dan berpengalaman yang bertanggungjawab dalam penerbitan sesebuah akhbar.

Di bilik berita sesebuah akhbar didapati tenaga wartawan wanita dan lelaki digabungkan dengan cara yang sistematik dan keadaan ini dapat dikesan dalam keteraturan dan ketelitian isu yang disentuh dalam akhbar setiap hari. Gabungan yang sistematik di kalangan para pemberita yang terdiri dari latar belakang, pengalaman, kelayakan, bangsa, jantina yang berbeza ini tentunya memerlukan satu sistem pengurusan yang dinamik. Menurut Sindhawani (1979) Sistem Pengurusan yang dinamik dan sentiasa bergerak tentunya memerlukan seseorang individu-individu atau pihak-pihak tertentu untuk memberi panduan dan menjadi penilai dalam usaha mencapai matlamat atau objektif sesebuah syarikat atau organisasi.

Jika dilihat dari keadaan bilik berita yang mempunyai waktu sibuk yang tertentu dan para pemberita yang sentiasa mengejar 'deadline' atau tempoh batasan waktu, mungkin seseorang itu akan mengatakan bahawa sesebuah bilik berita beroperasi berdasarkan struktur pengurusan yang tersusun. Bagaimanapun pemikir pengurusan moden mengatakan bahawa format terbaik bagi mencapai matlamat organisasi media yang lebih progresif sepatutnya tidak bersifat terlalu formal. Kebanyakan bilik berita lebih utamakan struktur

---

\* Faridah Ibrahim adalah seorang pensyarah dalam bidang Kewartawanan di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Sebahagian dari data kajilidikan penulis yang digunakan dalam makalah ini telah dibentangkan dalam kertaskerja bertajuk "Wanita dalam Kewartawanan di Malaysia" (Persembahan Poster) di Persidangan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM 27-30 Ogos 1990.

horizontal yang lebih longgar berbanding dengan struktur vertikal yang lebih ketat dan tradisional (Levine dan Wackman, 1988: 17). Levine dan Wackman yang merupakan pakar dalam bidang pengurusan media juga menekankan bahawa para pengurus dan pemimpin bilik berita perlu menyelenggarakan dua objektif yang bercanggah. Pertama, mengeluarkan produk media, iaitu berita, dalam cara yang sistematik agar menepati jangkawaktu pengeluaran. Ini tentunya memerlukan sistem pengurusan yang pentingkan struktur kerja yang ketat dan berdisiplin. Manakala, keduanya, mereka perlu mengeluarkan produk media iaitu berita yang menepati masa, segar, inovatif, bermaklumat dan bermutu. Keadaan ini tentunya memerlukan satu sistem pengurusan yang dapat memberi kebebasan yang di luar struktur kerja yang lebih ketat dan memberi peluang kepada para wartawan untuk lebih kreatif.

Ini merupakan cabaran yang berpanjangan bagi para pengurus bilik berita. Pengurusan bilik berita yang berjaya memerlukan penyelarasan fungsi-fungsi tersebut secara efektif.

Menurut Teel dan Taylor (1983: 15) pengaliran dan pengawalan serta pengurusan bilik berita adalah nadi dalam pengurusan akhbar kerana ia membawa kepada penghasilan akhbar yang bermutu tinggi dan seterusnya mencerminkan pengurusan akhbar yang cekap.

Pengurusan bilik berita bukan sahaja terhad dalam pelaksanaan polisi akhbar yang ditentukan oleh pihak atasan dalam sesebuah syarikat akhbar, tetapi sistem pengurusan ini perlu bersifat kreatif dan bukan adaptif kerana produk akhbar perlu kreativiti yang membawa serta membentang idea baru, membentuk nilai dan mendidik masyarakat yang pesat berkembang dalam era maklumat ini (Sindhawani, 1979: 52). Menurut Rucker dan Williams (1974: 72) pengurusan bilik berita juga mengambilkira faktor-faktor yang mempengaruhi budaya kerja para pemberita seperti gaji, perasaan wartawan, etika kewartawanan, kepuasan kerja, pemilihan dan perletakan berita, kebebasan buatputusan dan beberapa insentif lain. Faktor-faktor ini banyak mempunyai kaitan dengan kewibawaan seseorang wartawan, tidak kira lelaki atau wanita, dalam mengendalikan tugasnya. Bagaimanapun, beberapa kajian yang dijalankan mengenai peranan dan kejayaan wartawan wanita oleh sarjana dari luar dan dalam negeri mendapati bahawa wartawan wanita perlu berhempas pulas lebih hebat lagi dari lelaki untuk mencapai status yang lebih tinggi dalam sesebuah organisasi berita.

#### **Kedudukan Wartawan Wanita**

Dalam beberapa kajian mengenai wartawan wanita di Bilik Berita didapati wanita masih kebelakang dari segi memegang jawatan buatputusan dalam media massa, walaupun pada keseluruhannya wartawan wanita kini mempunyai kelulusan yang lebih tinggi jika dibandingkan masa lalu (Gersh, 1986; Surinder, 1987; Anita, 1988; Delaila, 1983; Endres, 1978, Chang, 1975 dan Barrett, 1984). Sesungguhnya, peranan wanita dalam media massa khususnya bidang kewartawanan ini adalah amat penting dan tidak dapat dinafikan. Mereka yang menyampaikan maklumat dalam bentuk berita, rencana atau penulisan pendapat dan seumpamanya mampu mencorakkan fikiran masyarakat yang menjadi khalayak media massa. Ini adalah kerana media massa terutamanya akhbar sudah dikenali sebagai media komunikasi yang berpotensi memaklumatkan, mendidik, membujuk malah berupaya mengubah fikiran masyarakat.

Dengan itu, adalah penting bagi wartawan wanita untuk berada di jawatan-jawatan buatputusan yang kebanyakannya adalah di peringkat pengurusan, kerana mereka inilah

yang bakal membentuk masyarakat khususnya kaum wanita dan generasi muda.

Untuk berada di peringkat buatkan keputusan dalam pengurusan bilik berita yang membolehkan wartawan wanita menyuarakan pendapat dan diterima oleh pihak atasan, adalah sesuatu yang sukar dicapai. Beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai pencapaian wartawan wanita mendapati bahawa keperluan dua faktor antara rumahtangga dengan kerjaya banyak membataskan perkembangan kerjaya kaum wanita, Menurut Sohn (1984: 601) wanita yang mempunyai gabungan tanggungjawab rumahtangga dan kerjaya seringkali banyak mengabdikan waktu untuk kerja-kerja rumah berbanding dengan kaum lelaki dan disebabkan keadaan ini diandaikan bahawa wanita berkemungkinan kurang mengabdikan waktu memikirkan tentang pencapaian berbanding dengan wartawan lelaki. Berdasarkan situasi ini juga, didapati pengurus wanita di akhbar lebih cenderung dikalangan wanita bujang manakala pengurus lelaki di Bilik Berita lebih cenderung di kalangan mereka yang mempunyai isteri yang menjadi surirumah yang sentiasa berada di samping anak-anak mereka.

Hasil-hasil kajian awal mengenai peranan wartawan wanita sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa kerap menonjolkan bahawa bilangan wanita yang melibatkan diri dalam bidang kewartawanan semakin meningkat walaupun wartawan wanita menghadapi saingan hebat dari wartawan lelaki di Bilik Berita dan peluang kenaikan pangkat amat kurang sekali.

Dalam satu kajian ke atas pengarang ruangan wanita dalam akhbar-akhbar harian dan mingguan di Amerika Syarikat, didapati kaum wanita melebihi kaum lelaki 9: 1 (Chang, 1975). Kajian tersebut mendapati pengarang lelaki mendapat gaji yang lebih tinggi dibandingkan dengan pengarang wanita. Persepsi dan pengamatan para pengarang ruangan wanita terhadap jawatan wanita di Bilik Berita juga dijadikan ukuran subjektif bagi kejadian diskriminasi ini. Kajian Chang menunjukkan bahawa pengarang lelaki bagaimanapun tidak sependapat dengan pengarang wanita ini yang mengatakan wartawan wanita telah didiskriminasikan sejak bertahun-tahun lamanya dan telah diberi tugas-tugas liputan berita mengenai hal kewanitaan sahaja.

Perbezaan antara tahap gaji yang diterima oleh wartawan lelaki dan perempuan juga merupakan hasil kajian yang penting yang diperolehi oleh Endress (1976) dalam kajiannya ke atas koresponden Kongres yang bertauliah di Amerika Syarikat. Dari kajiannya, beliau dapati jumlah purata gaji yang diterima oleh wanita adalah bersamaan 58 peratus dari jumlah gaji yang diterima oleh kaum lelaki. Endres mengenalpasti dua faktor yang menyebabkan berlakunya perkara ini. Pertamanya, wartawan wanita yang ditemuduga adalah kekurangan pengalaman kewartawanan jika dibandingkan dengan kaum lelaki tetapi diterima bekerja dengan gaji yang rendah; keduanya, sebahagian dari wartawan wanita yang dikajiselidik tidak sedar akan kaedah diskriminasi ke atas mereka dari segi gaji, kenaikan pangkat dan pengambilan bekerja.

Sementara itu, kajian oleh Sohn (1984) mengenai matlamat dan orientasi pencapaian pengurus wanita di organisasi akhbar, mendapati walaupun wartawan wanita mempunyai matlamat dalam kerjaya mereka, perancangan ke arah itu hanyalah seperti bertepuk di sebelah tangan. Apa yang nyata matlamat mereka dengan matlamat organisasi akhbar adalah sesuatu yang amat berbeza. Kajian ini juga mendapati tidak ramai wartawan wanita yang berusaha menyuarakan saranan-saranan yang boleh menarik perhatian pihak penguurusan dan kemungkinan akan dinaikkan pangkat. Kebanyakan wanita yang ditemui oleh Sohn menjangka akan mendapat kenaikan pangkat tidak lebih dari dua kali dalam tempoh

lima tahun bekerja. Walaupun pengkaji tidak dapat menentukan ketika itu sama ada jangkaan respondennya itu akan menjadi kenyataan, tetapi apa yang menarik adalah tiada seorang pun respondennya yang terdiri dari pengurus wanita di Bilik Berita menyatakan hasrat mereka untuk sampai ke peringkat pengurusan tertinggi dalam tempoh lima tahun akan datang. Menurut Sohn, pengurus wanita ini tidak mengharapkan kenaikan pangkat dengan cepat walaupun mereka itu telah menjadikan kerjaya mereka sebagai fokus utama dalam hidup mereka.

### Kajian Ke Atas Wartawan Wanita Tempatan

Penglibatan kaum wanita dalam bidang kewartawanan di Malaysia hanya bermula di sekitar dekad 50-an. Ketika itu wanita hanya mempunyai kelulusan Sekolah Melayu dengan sedikit pengetahuan bahawa Inggeris dan Bahasa Jepun. Mereka ini kebanyakan bekas guru, Ustazah serta kerani. Antara mereka ialah bekas guru Rosewita Haji Ali (isteri Keris Mas - Kamaludin Muhammad) Jamaliah Hassan dan Hamidah Hassan (isteri Haji Samad Ismail), Che Dah Mohd Nor (isteri Osman Wok, bekas Menteri Hal Ehwal Masyarakat Singapura), Fatimah Murad, Zaleha Mohd Shah, Saleha Rashid (Salmi Manja - isteri Sasterawan Samad Said) Rasidah Ismail. Di Radio Malaya di Singapura, nama yang tidak asing lagi dalam dunia penyiaran termasuklah Zaharah Zaaba, Siti Hawa Zain (Mak Iti), Zamroude Zaaba dan Wan Jah Ahmad. Zaharah Zaaba salah seorang anak gadis Pendita Zaaba, berkelulusan Inggeris Senior Cambridge dan mempunyai Sijil Perguruan dari Maktab Perguruan Durian Daun Melaka (Norkiah, 1983: 6) Kelulusan yang dimiliki oleh Zaharah Zaaba dianggap unggul kerana jarang terdapat kaum wanita ketika itu mempunyai kelayakan setinggi itu.

Dalam dekad 60an, mulalah penyertaan wanita sebagai wartawan dengan kelulusan HSC dan Senior Cambridge seperti Salmah Mohsein di *Utusan Melayu*, Zubaidah Abdul Rahman (ZAR) di *Berita Harian*. Ketika itu *The New Straits Times* telah pun mempunyai wartawan wanita terkenal seperti Margaret Wee dan Lakshmi Natarajan. Ruang Wanita secara khusus diadakan dalam ruangan akhbar di sekitar 1960-an. Antara Wartawan terkenal termasuklah Azah Aziz, Hamidah Hassan, Zubaidah Abdul Rahman, Zaharah Nawawi, Siti Zaharah Ibrahim, Bahyah Mahmood, Maimunah Yusof, Azizah Ali dan Faridah Idris.

Dalam dekad 70-an, penyertaan wanita yang berkelulusan tinggi dari menara gading mulai membanjiri dunia kewartawanan seperti Adibah Amin, Aishah Harben, Millicent Danker, Elizabeth Wong, Magdalena Lum, Rosnah Majid, Ng Poh Tip, Cheryl Dorall dan lain-lain.

Diawal tahun 1970-an, kajian-kajian khusus dalam bidang kewartawanan mula ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi. Tahun demi tahun Institusi dan Universiti tempatan mengeluarkan semakin ramai graduan wanita dalam bidang kewartawanan dan bidang-bidang komunikasi yang lain. Maka dengan penglibatan lebih ramai kaum wanita yang berkelulusan tinggi, prestasi wartawan wanita mulai meningkat.

Dalam satu kajian yang dijalankan di peringkat tempatan mengenai penglibatan wanita dalam bidang kewartawanan sejak 1970an, mendapati 58.3 peratus dari responden kajian tersebut bersetuju bahawa bidang kewartawanan secara keseluruhan adalah terlalu mencahar untuk diceburi oleh kaum wanita (Delaila, 1983). Pengkaji juga mendapati lebih tinggi kelayakan seseorang wartawan itu lebih rendah motivasinya terhadap kariernya. Faktor motivasi ini juga dipengaruhi oleh pendapatan dan tempoh pekerjaan, yakni lebih lama

mereka berada dalam profesion ini lebih rendah motivasi, lebih tinggi pendapatan seseorang itu maka lebih positif sikap seseorang itu untuk memperbaiki mutu pekerjaan demi untuk mendapat ganjaran pendapatan yang lebih memuaskan.

Berdasarkan tinjauan literatur beberapa kajian mengenai penglibatan kaum wanita dalam kewartawanan dan tahap pencapaian mereka dalam bidang tersebut maka dirasakan perlu dipertingkatkan kajian seumpama ini di peringkat tempatan. Untuk tujuan itu penulis telah menjalankan kajian melalui soal selidik di akhir tahun 1986 untuk mengesan kedudukan dan prestasi wartawan wanita tempatan. Subjek kajian tersebut terdiri dari 62 orang wartawan wanita dari tujuh organisasi berita tempatan.

Dari kajian tersebut, taburan peratusan responden mengikut ciri-ciri demografi adalah seperti berikut. Dari segi bangsa, responden pengkaji terbahagi kepada 83.9 peratus Melayu, 9.7 peratus Cina, 4.8 peratus India dan 1.6 peratus bangsa lain. Dari kumpulan ini 50 peratus sudah berkahwin, 46.8 peratus belum berkahwin dan 3.2 peratus, janda.

Dari segi usia pula, data menunjukkan kumpulan yang ramai adalah dalam lingkungan usia 25-29 tahun (48.4 peratus) diikuti dengan 30-34 tahun (25.8 peratus) di bawah 24 tahun (12.9 peratus) 11.3 peratus bagi usia 35-39 tahun dan 1.6 peratus bagi usia 40 tahun ke atas. Data ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa bidang kewartawanan ini banyak diceburi oleh tenaga muda dan sebahagian besar wartawan wanita adalah terdiri dari kumpulan muda ini.

Mengenai tahap pendidikan responden, kajian menunjukkan 27.4 peratus dari responden mempunyai pendidikan STPM, 25.8 peratus mempunyai Diploma, 17.7 peratus mempunyai Ijazah Sarjanamuda 11.3 peratus Ijazah Sarjana dan 1.6 peratus Ijazah Doktor Falsafah. Dari kumpulan ini 62.9 peratus adalah mereka yang mempunyai latihan dalam kewartawanan sebelum menyertai organisasi, manakala 37.1% tiada pengalaman serta latihan dalam kewartawanan sebelum menyertai organisasi itu. Dari segi jawatan pula, 72.6 peratus adalah pemberita, 11.3 peratus adalah penyunting, 6.5 peratus penerbit-penerbit rancangan media elektronik) 4.8 peratus adalah ketua bahagian/meja, dan 1.6 peratus masing-masing bagi Ketua Pengarang, penolong pengarang dan ketua penyunting. Berdasarkan data tersebut, didapati para pengurus di kalangan wartawan wanita hanyalah 12.9 peratus.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa sebilangan besar responden 54.8 peratus amat berpuashati dengan profesion ini dan tiada cadangan untuk berhenti atau mencari pekerjaan lain. Secara keseluruhan, 66.1 peratus dari responden mempunyai hubungan baik dengan pengurus media iaitu Ketua Pengarang, Timbalan Ketua Pengarang, Pengarang Berita, Ketua Pemberita dan Ketua Penyunting. Dari segi kepercayaan yang diberikan oleh pengurus, sebanyak 53.2 peratus mengatakan mempercayai dan mengakui kebolehan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat sesuatu yang menarik tentang pandangan pengurus terhadap wartawan wanita ini. Dari segi pertukaran tugas dalam organisasi seperti dari pemberita umum ditukar ke pemberita mahkamah dan sebagainya, data menunjukkan 45.2 peratus terlibat dalam pertukaran sebanyak 1-3 kali, 22.6 peratus sebanyak 4-6 kali, 1.6 peratus sebanyak 7-9 kali manakala 30.6 peratus tidak pernah ditukar ke meja lain. Para wartawan dalam golongan usia 25-34 tahun merupakan golongan yang sering terlibat dalam pertukaran. Dari kumpulan yang ditukar ini, 69.5 peratus mengatakan ianya tidak merupakan kenaikan pangkat, 13.1 peratus menyatakan ianya adalah kenaikan pangkat. Data ini menunjukkan bahawa pergerakan atau peningkatan wartawan wanita dalam kerjaya lebih kepada pergerakan horizontal berbanding dengan vertikal.

Seperkara yang menarik yang ingin pengkaji tonjolkan di sini ialah dikalangan wartawan wanita yang berkahwin, mereka yang masih belum mempunyai anak mempunyai prestasi yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang sudah mempunyai anak. Kajian ini secara tidak langsung menyokong kajian yang telah dijalankan oleh beberapa penyelidik luar negeri (Sohn, 1984; Barrett, 1984).

Satu lagi perkara yang menarik dalam kajian ini ialah kajian melalui ujian khiganda dua mendapati tahap kepuasan responden terhadap performans dan prestasi tiada hubungan dengan pendapatan atau tempoh lama bekerja. Walaupun responden telah lama bekerja tetapi mereka masih tidak berpuashati dengan performans mereka.

Selain dari masalah dalam kenaikan pangkat, wartawan wanita juga kurang berpeluang membuat liputan berita di luar negeri. Sebanyak 59.6 peratus mengatakan terdapat diskriminasi manakala 27.4 peratus mengatakan tidak.

Responden juga ditanya tentang masalah yang sering dihadapi semasa menjalankan tugas sebagai wartawan. Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah utama adalah masalah rumahtangga, suami dan anak-anak bagi wartawan yang sudah berkahwin, waktu kerja yang tidak tetap, masalah pengangkutan, kawasan liputan yang tidak sesuai. Bagaimanapun masalah lain yang digariskan dalam soalselidik ini seperti pergaulan yang bebas, ciri tahan lasak dan aktif, masalah pihak pengurusan, kurang kerjasama rakan-rakan dan persaingan dengan wartawan lelaki bukanlah merupakan masalah utama wartawan wanita. Secara rumusan, hasil kajian tersebut telah menunjukkan beberapa perkara berikut:

1. Wartawan wanita merupakan golongan yang mempunyai keterlibatan dan dedikasi yang tinggi terhadap profesion.
2. Pengalaman bekerja atau tempoh lama bekerja sebagai wartawan tidak mempunyai hubungan dengan kepuasan dari segi prestasi dan performans.
3. Bidang kewartawanan adalah profesion yang sesuai dengan kaum wanita.
4. Terdapat diskriminasi dari segi kenaikan secara vertikal (pangkat, pengaruh dan status) bagi kaum wanita.
5. Daya ketahanan dan pengukuh semangat wanita untuk terus berjuang dalam bidang kewartawanan ialah kecenderungan dan minat mendalam terhadap profesion.

## PENUTUP

Bidang kewartawanan boleh dikatakan suatu fenomena abad ke 20an dan latihan dalam bidang ini secara formal di negara ini baru menjangkau lebih kurang 20 tahun dengan tertubuhnya beberapa Jabatan Komunikasi di institusi pengajian tinggi.

Beberapa orang ketua pengarang yang telah ditemubual menyatakan bahawa pengam-bilan tenaga wartawan yang tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang kewar-tawanan masih diteruskan kerana mereka ini boleh dilatih untuk menghidu dan menulis berita mengikut stail sesebuah organisasi itu. Bagaimanapun mereka tidak menafikan perlu dan penting latihan formal dalam bidang tersebut untuk menghasilkan tenaga wartawan yang terlatih dan bermutu.

Dari kumpulan responden yang ditemui oleh penulis, didapati majoriti dari mereka ini adalah pemberita, 72.6 peratus. Kajian juga menunjukkan wartawan wanita masih ket-inggalan dari segi kedudukan, pengaruh, liputan luar negeri dan berkursus di luar negeri.

Kajian yang dijalankan oleh penulis ini menunjukkan bahawa jawatan-jawatan buatputusan di Bilik Berita seperti Ketua Meja, Ketua Pemberita, Ketua Penyunting, Pengarang Berita, Pengarang, Timbalan Ketua Pengarang dan Ketua Pengarang jarang disandang oleh wartawan wanita walaupun terdapat wartawan wanita yang mempunyai kelulusan tinggi seperti Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Walaupun demikian, ramai wartawan wanita yang ditemui berpendapat bahawa dengan terdapatnya beberapa orang wartawan wanita di peringkat buatputusan (12.9 peratus) telah membuktikan peringkat prestasi wartawan wanita dan ini merupakan satu perkembangan yang memberangsangkan bagi mereka. Namun begitu, pada hakikatnya wartawan wanita tidaklah didiskriminasikan secara habis-habisan. Di beberapa aspek lain pihak pengurus akhbar dan ketua mempercayai, yakin dan mengakui kebolehan mereka. Mungkin disebabkan faktor-faktor ini, maka wartawan wanita berpuashati dengan profesion ini dan tidak bercadang untuk mencari pekerjaan lain. Tiga faktor yang merupakan penguat semangat dan membawa wartawan wanita menceburi bidang ini ialah minat dan kecenderungan, kelulusan akademik dan penyertaan secara pilihan. Wartawan wanita juga tidak mengharapkan pendapatan untuk memberi rasa puas hati terhadap performans mereka. Dari kajian penulis, kepuasan yang dapat dikesan bukan berbentuk kebendaan seperti peningkatan gaji tetapi lebih kepada pencapaian status, pengiktirafan dan tanggungjawab.

## RUJUKAN

- Anita Devasahayam. (1988). 'Profil psikososilogikal wartawan tempatan'. Latihan Ilmiah Jabatan Komunikasi, UKM.
- Babbie, E.R. (1973). *Survey Research Methods*. California: Wadsworth Publishing Co.
- Barrett, Grace H. (1984). 'Job Satisfaction Among Newspaperwomen,' *Journalism Quarterly*. ms. 593-599.
- Chang, W. H. (Spring 1975). 'Characteristics and Self-perception of women's page editors' *Journalism Quarterly*, Jld. 52, 1, ms. 66-65.
- Delailah Hussein. (1982). 'Penglibatan kaum wanita dalam bidang kewartawanan dari tahun 1970an hingga masa kini.' Latihan ilmiah Jabatan Komunikasi, UKM.
- Endres, K. (Spring 1978). 'Capitol Hill Newswomen: A description study' dalam *Journalism Quarterly*, Jld. 53, 1, ms. 132-135.
- Epstein, K. L. (1978). *Women in the news*. New York: Hastings House, Publishers.
- Callagher, M. (1979). 'The Portrayal and participation of women in the media,' Laporan penyelidikan Institute of Educational Technology, The Open University, United Kingdom, UNESCO.
- Gove, P.V. (ed.) (1966). *Webster Third New International Dictionary*. New York: G & C Merriam, Co.
- Hohenberg, J. (1973). *The professional journalist*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Lavine, J.M. & Wackman, D.B.P. (1988). *Managing Media Organisations*. New York: Longman Inc.
- Rucker, F.W & Williams H.L. (1974). *Newspaper Organisations and Management*. Ames, Iowa: Iowa State University Press.
- Sindhawani, T.N. (1979). *Newspaper Economics and Management*. New Delhi: Ankur Publishing House.
- Sohn, Ardyth B. & Chusmir, Leonard H. (1985). 'The Motivational Perspectives of Newspaper Managers.' *Journalism Quarterly*. ms. 296-303.
- Sohn, Ardyth B. (1984). 'Goals and Achievement Orientations of women newspaper Managers.' *Journalism Quarterly*. ms. 600-605.
- T. Iskandar. (1984). *Kamus Dwibahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Tell, L.R. & Taylor, R. (1983). *Into the Newsroom*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.  
Temubual dengan Zaharah Abd. Rahman (ZAR), Ketua Meja Wanita, *Berita Harian*. Ogos 1986.